

UTUSAN MALAYSIA

DATE: 27/7/2010

Bersikap jujur ke arah perdamaian UMNO-Pas

UM-27/07/10

WALAUPUN menimbulkan pelbagai persepsi dan kontroversi, isu perdamaian UMNO-Pas, dua buah parti orang Melayu terus diperkatakan oleh pelbagai pihak.

Bagi mereka yang kehidupan dan pemikirannya bebas daripada lingkaran politik, perdamaian kedua-dua parti itu tentulah sesuatu yang menggembirakan serta dialu-alukan. Apabila kedua-duanya bersatu, bukan sahaja Melayu menjadi kuat tetapi usaha untuk 'mengislamkan' pemerintahan dan pentadbiran negara akan lebih mudah.

Walaupun pendekatan kedua-duanya berbeza kerana wujudnya masyarakat majmuk, budaya, adat resam dan anutan agama yang berbeza, namun hakikatnya UMNO-Pas berhasrat mahu negara ini diperintah dan ditadbir secara Islam.

Kesungguhan UMNO sebagai parti dominan yang memerintah dan mentadbir secara Islam terbukti apabila pelbagai kemudahan dan keperluan ibadah untuk umat Islam seperti pembinaan masjid dan sebagainya diberi tumpuan manakala Pas pula lebih tertumpu kepada menyerang, mengkritik, berteori dan beretorik.

Dalam masa yang sama, UMNO terpaksa menjaga hati dan mengambil kira sensitiviti masyarakat pelbagai kaum kerana mereka juga warganegara yang berhak menerima segala kemudahan dan kemakmuran negara tanpa diskriminasi. Pas dengan kerjasama Parti Keadilan Rakyat (PKR) mengambil peluang mengapi-apikan supaya kalangan bukan Melayu berani mencaci Melayu dan Islam secara terbuka.

Untuk jangka masa singkat, UMNO tidak perlukan Pas untuk meneruskan kepimpinan kerajaan tetapi bagi jangka masa panjang, ada bahayanya jika parti-parti pembangkang semacam membuka laluan kepada DAP untuk bermaharajalela dengan dasar anti-Islamnya serta memperlekehkan Melayu.

Apa yang sedang berlaku mutakhir ini yang memungkinan orang Melayu/Islam menerima nasib seperti rakyat Palestin bukan kerana DAP yang tersangat anti-Islam tetapi disebabkan parti-parti Melayu dalam pakatan pembangkang membantu memperhebatkan DAP demi kepentingan politik jangka pendek mereka.

Perhatikan berapa kerap pemimpin DAP

mengecam MCA, Gerakan atau MIC berbanding dengan sikap pemimpin Pas dan PKR mengecam UMNO. Seolah-olah tidak ada yang bagus dilakukan kerajaan pimpinan UMNO pada neraca pembangkang. Pas dan PKR lupa bahawa dalam Barisan Nasional (BN) wujud juga MCA, Gerakan, MIC dan parti-parti komponen lain dari Sabah dan Sarawak.

Pasti timbul persoalan kenapa Pas perlu berdamai dengan UMNO, bukannya PKR? Jawabnya kerana Pas satu-satunya parti pembangkang tertua milik orang Melayu/Islam di negara ini manakala PKR parti caca-marba yang wujud tanpa roh dan tunjang kerana ia wujud demi merealisasikan cita-cita besar tokoh tertentu.

Oleh itu, UMNO dan Pas kena bersihkan kepala dan dada daripada wabak dan sindrom politik kepartian dengan masing-masing kena pastikan diri dalam keadaan jujur, telus dan tulus untuk berbincang dan berusaha ke arah perdamaian. Paling penting kepentingan Islam dan kedudukan Melayu diutamakan.

Selagi kepala dan dada penuh dengan selut dan lumpur politik kepartian, apatah lagi jika diasak pula dengan dendam kesumat dan

prasangka, kemungkinan sebelah pihak tidak akan berlaku jujur dan mahu mengambil kesempatan. Jika itu berlaku, jangankan seratus tahun malah seratus ribu tahun lagi pun UMNO-Pas tetap akan berbalah dan saling sumpah menyumpah walaupun ia tidak dihalalkan oleh Islam.

Parti yang paling seronok kalau UMNO-Pas terus bertelagah dan gagal didamaikan tentulah DAP.

Sesungguhnya kehebatan dan kejayaan paling besar musuh adalah apabila mereka berjaya bertakhta di hati dan mendapat kepercayaan musuh. Inilah antara punca kehancuran Kerajaan Melayu/Islam Pattani dan juga kejatuhan Kerajaan Melayu Melaka. Demikian halnya dengan kejatuhan Afghanistan, Iraq mahu pun Palestin. Apakah tidak mungkin dengan berada dalam pakatan pembangkang sekarang, Pas akan jadi seperti Kerajaan Melayu/Islam Pattani dan Kerajaan Melayu Melaka dalam konteks kepentingan politik kepartian jangka panjang bagi negara ini?

MUHAMMAD HAFIZUDDIN RAMLI
Kota Bharu, Kelantan